

**MENGENALPASTI KOD IDENTITI KERJAYA MELALUI PENDEKATAN TEORI
KERJAYA INDICATOR MYERS BRIGGS (MBTI): SATU KAJIAN KES DI SEKOLAH
MENENGAH AGAMA MAAHAD AS SYAKHSIAH TAHFIZ SAINS (MATSA)**

Rabiatul Nur Zalikha binti Osman¹

Sekolah Menengah Agama Maahad As-Syakhsiah Tahfiz Sains (SMA MATSA)
Emel: rnzbosman@gmail.com

Nurhikmah Binti Mubarak Ali²

Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Abstrak

Pemilihan kerjaya yang tepat dan sesuai dengan minat dan kelayakan diri adalah penting dalam menjamin kesejahteraan diri seseorang individu. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis sikap pelajar terhadap pemilihan kerjaya, menganalisis faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar, dan menganalisis proses kerjaya *Myers Briggs Type Indicator* (MBTI) pelajar di Sekolah Menengah Agama Maahad As-Syakhsiah Tahfiz Sains (SMA MATSA). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan menggunakan kajian kes. Persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) digunakan dalam kajian ini dengan memilih 2 orang responden; seorang pelajar perempuan dan seorang pelajar lelaki tingkatan empat yang mengambil pengkhususan dalam bidang teras, yang mempunyai masalah dalam pemilihan kerjaya. Data yang diperolehi hasil daripada analisis tema mendapati tiga tema utama, iaitu punca kesesuaian dalam kerjaya, keberkesanan alat ukur dan faktor kekeliruan kerjaya. Daripada 3 tema utama ini terdapat beberapa sub-tema yang lain. Kajian ini juga mendapati kesan penggunaan alat ukur *Myers Briggs Type Indicator* mendorong percambahan maklumat dan pengetahuan responden terlibat dalam pelbagai bidang kerjaya yang lain. Kajian ini mencadangkan kajian yang selanjutnya dilakukandengan menggunakan pendekatan Teori *Myers Briggs* terhadap responden yang berbangsa lain berkaitan pemilihan kerjaya yang dilakukan.

Kata Kunci: *Myers Briggs Type Indicator* (MBTI), Kod Identiti Kerjaya, Pelajar.

Abstract

Choosing the right career that suits individual tastes is important in guaranteeing personal well-being. The objective of this study is to analyze students' attitudes towards career choices, analyze the factors that influence students' career choices, and analyze the Myers Briggs Type Indicator (MBTI) career process of students at Sekolah Menengah Agama Maahad As Syakhsiah Tahfiz Sains (SMA MATSA). The methodology of this study uses a qualitative approach that is by using case studies. The use of purposive sampling is used in this study by paying attention to the respondents who are fourth form students who have problems in choosing a career. The selected participants are a female student and a male majoring in a core field. Analysis of the data obtained as a result of themes and subthemes from two respondents 1 which can be categorized as five themes and subthemes obtained from the theme. There are two subthemes for the first theme, three subthemes for the second theme and two subthemes for the third theme. The effect of using the Myers Briggs Type Indicator measuring tool also encourages the proliferation of information and

knowledge of respondents involved in various other career fields. As a result of this study, the researcher saw an appropriate instrument and approach applied to the next study, which is to use the Myers Briggs Theory approach to respondents of other nationalities regarding career selection.

Keywords: *Myers Briggs Type Indicator (MBTI), Career Identity Code, Student.*

PENGENALAN

Inovasi merupakan elemen utama yang dapat menyumbang ke arah membangunkan sebuah negara yang maju. Perkembangan teknologi masa kini dilihat sebagai salah satu factor yang banyak menyumbang ke aras inovasi yang memudahkan kehidupan masyarakat. Perkembangan teknologi ini juga membawa perubahan besar dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kerjaya, sosial dan peribadi masyarakat. Pada tahap ini, lebih banyak golongan belia yang berkemahiran diperlukan untuk memanfaatkan teknologi seterusnya meningkatkan ekonomi negara. Adalah sulit kepada negara apabila berhadapan dengan situasi golongan belia yang masih kabur dalam bidang kerjaya yang ingin diceburi kerana ini memberi kesan kepada kadar pengangguran semasa negara.


Laporan pemerhatian Tenaga Buruh Malaysia Tahun 2017 mendapati kes pengangguran belia dalam lingkungan usia 15 tahun hingga 24 tahun adalah seramai 283,400 orang, iaitu sebanyak 10.8 peratus (Kementerian Sumber Manusia, 2018). Didapati pelajar sekolah dalam lingkungan umur ini menyumbang kepada pengangguran belia di Malaysia. Hal ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Abdul Ghani & Ahmad Kamil (2011) bahawa remaja yang berumur 15 hingga 24 tahun dikategorikan sebagai peringkat umur penerokaan kerjaya. Pada peringkat inilah pelajar berusaha mendapatkan sebanyak mungkin maklumat kerjaya, meneroka jenis-jenis bidang kerjaya, membuat kerja sambilan dan mula menilai kemampuan diri terhadap bidang kerjaya yang ingin diceburi.

Pemilihan kerjaya yang tepat dan sesuai dengan minat dan cita-cita individu adalah penting dalam menjamin kesejahteraan diri. Usaha membantu setiap individu bagi mengenali diri dan mendapatkan kesedaran tentang kerjaya serta peluang-peluang yang ada sebelum membuat pemilihan kerjaya perlulah dipergiatkan. Untuk itu, perancangan yang teliti amat penting khususnya pada peringkat usia 15 tahun hingga 18 tahun, kerana pada usia inilah para pelajar berada pada tahap penerokaan kerjaya (Abdullah, 2001). Justeru itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah perlu memainkan perkhidmatan yang penting untuk membantu para pelajar meningkatkan kematangan dalam pemilihan bidang kerjaya.

Objektif Kajian


1. Menganalisis sikap pelajar tahfiz Sekolah Menengah Agama Maahad As Syakhsiah Tahfiz Sains (SMA MATSA) terhadap pemilihan kerjaya.
2. Menganalisis faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar tahfiz Sekolah Menengah Agama Maahad As Syakhsiah Tahfiz Sains (SMA MATSA)?
3. Menganalisis proses kerjaya *Myers Briggs Type Indicator* (MBTI) pelajar Sekolah Menengah Agama Maahad As Syakhsiah Tahfiz Sains (SMA MATSA) sepanjang intervensi.

Kerangka Teoritikal Kajian



Rajah 1: Kerangka Teoritikal *Myers Briggs Type Indicator* (MBTI)

***Myers Briggs Type Indicator* (MBTI)**



Kecenderungan psikologi yang dikenalpasti oleh MBTI terbahagi kepada empat dimensi iaitu dimensi dunia pilihan, dimensi maklumat, dimensi penilaian atau membuat keputusan dan dimensi struktur. Pada bahagian dimensi dunia pilihan, lebih memfokuskan kepada dunia dalaman dan dunia luaran. Indikator ini dikenali sebagai *Introversion* (dunia dalaman) atau *Extraversion* (dunia luaran). Manakala, dimensi maklumat (persepsi) pula lebih cenderung kepada membuat interpretasi dan memberi pengertian. Indikator ini dikenali sebagai *sensing* (s) (deria rasa) atau *intuition* (N) (gerak hati).

Seterusnya, dimensi penilaian atau membuat keputusan (penghakiman) iaitu kecenderungan berdasarkan logik dan konsisten atau cenderung kepada intepretasi dan makna. Indikator ini dikenali sebagai *thinking* (T) (pemikiran) dan *feeling* (F) (perasaan). Kecenderungan keempat adalah dimensi struktur, iaitu adakah lebih kepada membiarkan orang

lain membuat keputusan atau bersifat terbuka kepada maklumat dan pilihan yang baru. Indikator dikenali sebagai *Judging* (J) dan *Perceiving* (P).

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kajian kes. Pengalaman dan pengetahuan seseorang secara mendalam boleh dijelaskan melalui kajian kualitatif (Merriam, 2009). Menurut Patton (2015), penggunaan kaedah kualitatif dapat membantu individu memahami sesuatu fenomena dengan lebih baik di samping memperolehi sudut pandangan baru berkaitan sesuatu perkara yang telah diketahui atau mendapat maklumat yang lebih terperinci yang mungkin sukar disalurkan melalui kuantitatif.

Penggunaan persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) dalam kajian ini memberi perhatian kepada responden iaitu pelajar tingkatan empat yang mempunyai masalah dalam pemilihan kerjaya. Peserta merupakan seorang pelajar perempuan dan seorang lelaki yang berada di tingkatan empat yang mengambil pengkhususan dalam bidang teras. Reka bentuk fleksibel dan boleh diubahsuai serta berkembang. Saiz sampel kecil sahaja, bukan rawak, bertujuan dan teoritikal. Pemilihan responden berdasarkan penerokaan kes, latar, populasi dan fenomena bergantung kepada persoalan kajian serta fokus kajian. Pemilihan sampel yang dilakukan di lokasi perlulah di suatu lokasi yang mudah untuk dihubungi, kerjasama bersama organisasi, hubungan yang baik diantara responden dan pengkaji serta kualiti bagi memastikan kredibiliti data kajian terjamin (Patton, 2006).

Kajian Rintis

Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih seorang peserta perempuan yang berusia 16 tahun di Pulau Pinang bagi menjalankan kajian rintis terhadapnya supaya dapat mengetahui keberkesanan kaedah kajian yang dipilih. Peserta kajian rintis juga diambil sebagai responden sebenar. Pengkaji menjalankan kajian rintis juga adalah untuk memastikan soalan yang digunakan bersesuaian dengan objektif kajian dengan menjaga batas kajian. Tujuan kajian rintis ini dijalankan untuk mengetahui dan mengenalpasti kelemahan dan permasalahan yang dilalui oleh pengkaji dalam kajian yang sebenar kelak, disamping menguji samada pengkaji melaksanakan etika yang telah ditetapkan dalam menjalankan kajian ini (Patton, 2006).

Instrumen Kajian

Penyelidik adalah instrumen utama memungut data. Penyelidik perlu berada dalam situasi yang dikaji, perlu mendengar dan memerhati sendiri fenomena yang ingin dikaji. Pengkaji menggunakan soalan daripada instrumen *Myers Briggs Type Indicator* dan temubual untuk mencapai objektif kajian.

Kaedah Pengumpulan Data-Temubual

Data yang diperolehi adalah melalui temubual di mana rakaman perbualan dan pemerhatian dilakukan. Rakaman yang dilakukan adalah bertujuan untuk mendengar semula dalam mendapatkan maklumat melalui soalan temu bual. Pengkaji melakukan temu bual terhadap responden secara bersemuka manakala pemerhatian, data dikumpul melalui pemerhatian sikap,

tingkah laku dan ‘bahasa badan’ yang ditunjukkan. Cara komunikasi dalam nada juga boleh ditafsirkan dengan pelbagai tujuan.

Berdasarkan kaedah temu bual, kita dapat memperolehi maklumat berkaitan latar belakang, ciri-ciri serta maklumat-maklumat lain yang diperlukan. Kaedah ini dijalankan bagi individu yang tidak mempunyai masa atau kurang faham untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Temu bual bersemuka berkemungkinan adalah kaedah pengumpulan data yang lebih mahal kerana ia mengambil masa yang lama, serta dapat meluangkan masa untuk beramah mesra dengan responden. Temubual berstruktur adalah kaedah yang terbaik bagi soalan terbuka dan mendapatkan maklumat responden secara terperinci. Antara soalan temubual dalam kajian ini seperti:

“Ceritakan tentang latar belakang tentang diri awak”

“Apakah bidang kerjaya yang anda minati?”

“Mengapakah anda memilih bidang kerjaya tersebut”

Penganalisan Data

Pengkaji akan menganalisis dapatan kajian yang diperolehi setelah selesai menjalankan sesi temubual bersama responden. Setelah itu, dapatan kajian yang diperolehi dalam sesi temubual akan ditranskripkan dan pengkaji akan menunjukkan transkrip yang telah ditaip untuk responden semak semula serta mengelakkan kekeliruan maklumat yang disampaikan responden terhadap kefahaman pengkaji. Setelah menerima maklumbalas daripada responden berkenaan dengan transkrip, pengkaji akan mengumpul data yang diperolehi dengan menyertakan kod yang tertentu. Kod dibina melalui tema yang didapati dalam sesi temu bual yang dijalankan. Ini bertujuan untuk mengenal pasti tema bagi setiap kenyataan (Creswell, 2013). Setelah mengenal pasti tema pengkaji akan mengaitkan tema yang diporelhi dari dapata kajian antara satu dengan yang lain.

Analisis data adalah bertujuan untuk mencari makna berdasarkan data tersebut dengan menyusun dan menyatakan maklumat secara sistematik (Othman Lebar, 2015). Analisis data dilaksanakan melalui analisis kandungan dengan pembentukan tema seperti konflik, pemikiran, emosi dan tingkah laku. Menurut Othman Lebar (2015) juga transkrip temubual hendaklah dianalisis dan diteliti dengan sebaiknya. Prinsip analisis yang berasaskan *coding* dan diperolehi secara induktif oleh penyelidik secara manual juga boleh dianalisis mengikut tema yang sama.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden 1

Responden 1 dalam kajian ini berumur 16 tahun ketika ditemubual dan sedang menduduki tingkatan 4. Responden telah ditemu bual dalam tempoh satu sesi dalam satu hari yang telah ditetapkan. Sesi temu bual berjalan secara santai melalui bersemuka. Proses penyediaan laporan ini dilakukan dengan bertemu secara bersemuka dalam mendapatkan sesuatu maklumat tambahan memandangkan responden merupakan pelajar sekolah berasrama di sekolah.

Responden merupakan seorang yang mempunyai pengetahuan luas dalam bidang akademik. Beliau juga berminat dalam mendalami aliran akaun kerana minat dalam bidang tersebut ketika kecil lagi. Kandungan isi temubual ini telah mendapat kebenaran responden bagi

memberi kesedaran kepada masyarakat yang sebaya dengannya tentang pengetahuan dan kesedaran dalam bidang kerjaya.

Responden mempunyai latar belakang keluarga yang bekerjaya. Oleh kerana itu, beliau mempunyai pengetahuan luas dalam bidang kerjaya dan mempunyai impian dan cita-cita yang ingin dicapai. Maksud kerjaya bagi pendapat beliau juga amat jelas iaitu sesuatu bidang yang ingin dikecapi dengan berusaha dalam mencapainya mengikut kehendak dalam seseorang individu itu. Dalam pada masa yang sama, beliau keliru dalam dua bidang kerjaya yang ingin diceburi iaitu samada guru atau akauntan. Minat beliau dalam bidang tersebut merupakan daripada faktor kerjaya keluarga terdekat dan saudara-saudara ibu bapanya yang kebanyakkan berada di dalam bidang guru. Manakala kakak-kakaknya pula mempunyai kerjaya dalam bidang arkitek dan *engineer*. Beliau juga mengakui bahawa minatnya itu lahir dengan mendalami ilmu melalui buku-buku kakak-kakaknya ketika beliau masih kecil. Disamping itu, beliau juga menceritakan mempunyai minat yang mendalam subjek matematik.

Menurut responden, kepentingan kerjaya amatlah penting bagi pelajar agar dapat memberi suntikan semangat untuk terus belajar dengan bersungguh-sungguh dalam mencapai sesuatu yang dikehendaki dalam pendidikan. Beliau juga beranggapan kerjaya itu penting bagi dirinya sendiri kerana dapat meningkatkan lagi rasa keinginan dalam mencapai sesuatu bidang yang diminati dengan memberi fokus dalam pelajaran seterusnya dapat meneruskan impian dan cita-cita.

Apabila bertanyakan tentang kerjaya yang ingin diceburi, beliau mempunyai suatu bidang professional yang diminati dari kecil iaitu guru kerana menurut responden bidang kerjaya guru mempunyai tarikan yang tersendiri. Tarikan yang dimaksudkan itu berdasarkan sesuatu persekitaran yang tersendiri. Disebabkan beliau juga akrab bersama guru-guru di sekolah, ini membuatkan beliau mempunyai keinginan dalam mendalami perasaan menjadi seorang guru. Di samping itu, faktor tarikan menjadi guru juga disebabkan kerjaya saudara-mara terdekat yang menceburi bidang professional guru. Selain itu, beliau juga merasakan keseronokan dalam bidang guru kerana dapat mengajar seseorang tambahan pula dapat menambah ilmu dalam mengajar tersebut.

Reponden menyatakan beliau sering mengajar rakan di dalam kelas yang juga merupakan langkah awal pengaplikasian dalam menceburi bidang perguruan. Memberi keyakinan lagi apabila mendapat respon yang baik daripada rakan sekelasnya. Menurut responden 1 alat ukur MBTI dapat pengetahuan tentang personaliti yang baru disedari dalam dirinya antaranya personaliti kuat imaginasi dan tegas. Beliau juga mengesyorkan agar alat ukur MBTI dikenali dan digunakan oleh rakan-rakannya.

Menurut responden lagi, beliau mengalami kekeliruan dalam bidang kerjaya antara akauntan dan guru. Pengkaji mendapati responden 1 meminati bidang yang mempunyai matematik iaitu akauntan dan guru matematik. Pada awalnya beliau minat dalam menceburi bidang akauntan kerana berpendapat bahawa bidang tersebut mempunyai peluang kerjaya yang luas. Kemudian menukar profession kerana kurang pengetahuan dalam bidang kerjaya. Responden 1 merasakan bidang akauntan terlalu sukar dan ingin menceburi bidang guru.

Latar Belakang Responden 2

Responden 2 dalam kajian ini juga berumur 16 tahun, tinggal di Pulau pinang. Responden telah ditemu bual dalam tempoh satu sesi dalam satu hari yang telah ditetapkan. Sesi temu bual berjalan secara santai melalui bersemuka. Proses penyediaan laporan ini dilakukan dengan bertemu secara bersemuka dalam mendapatkan sesuatu maklumat tambahan memandangkan responden merupakan pelajar sekolah berasrama di sekolah.

Responden merupakan anak kedua daripada enam adik beradik. Kerjaya ibu bapanya adalah guru. Responden bersekolah di sekolah agama sejak sekolah rendah. Sepanjang pemerhatian dalam sesi temu bual responden menunjukkan kurang pengetahuan dalam bidang kerjaya walaupun mempunyai kerjaya yang ingin diceburi. Responden tiada keyakinan diri dalam menjawab setiap soalan yang ditanyakan. Penggunaan ayat yang diberikan juga melalui skop yang tidak luas. Responden juga kelihatan seorang yang pendiam dan pemalu. Sebelum memulakan sesi temubual pengkaji mengambil masa 10 minit untuk membina hubungan bersama responden agar responden selesa. Setelah responden menunjukkan respon yang positif dan selesa dengan pengkaji, sesi temubual dimulakan.

Responden menyatakan faktor terhadap pemilihan kerjaya adalah kerana minat dan tertarik terhadap sebuah filem yang ditonton. Dalam bidang perguruan responden lebih suka menceburi dalam bidang keagamaan itu menjadi seorang ustaz atau pendakwah bebas. Responden juga berminat dalam bidang kaunselor kerana menyatakan ada kelebihan dalam dirinya iaitu suka memahami hati kawan-kawannya.

Menurut responden, pandangannya terhadap kepentingan kerjaya adalah untuk melihat pencapaian pada masa hadapan. Katanya lagi, apabila mempunyai pengetahuan dalam kerjaya yang ingin diceburi memudahkan seseorang untuk merancang dalam mencapai cita-cita tersebut. Kaedah beliau mengaplikasikan bidang kerjaya kaunselor dalam kehidupan seharian adalah dengan mendengar masalah rakan-rakannya dan memberikan nasihat yang positif terhadap rakannya. Penerimaan nasihat yang positif oleh rakannya memberikan semangat kepadanya untuk menceburi bidang kaunselor. Aplikasi bidang kerjaya pendakwah dalam kehidupan seharian pula adalah dengan menegur rakan yang melakukan kesalahan kemudian membimbing rakan tersebut kepada yang lebih baik. Selain itu, beliau juga mendengar tazkirah melalui video yang ditontonnya melalui youtube dan mengambil pengajaran daripada video tersebut.

Menurut responden lagi, faktor kesesuaian dirinya dalam profession kaunselor adalah kerana dirinya yang sangat mudah memahami hati individu di sekelilingnya. Bagi profession guru pula kelebihan yang ada padanya adalah suka mengajar kepada kawan-kawannya sekiranya terdapat sesuatu yang kurang difahami di dalam kelas. Subjek yang menjadi pilihan untuk mengajar adalah dalam bidang keagamaan. Faktor kesesuaian dalam bidang pendakwah kerana dengan banyak mengkaji video pendakwaan dalam bidang keagamaan di samping menegur rakan-rakannya yang tersasar dari kebenaran.

Keberkesanan alat ukur MBTI terhadap responden 2 adalah sangat baik dengan membantu responden 2 dalam mengetahui cita-cita yang sesuai di masa hadapan. Setelah menjawab alat ukur kerjaya, responden 2 menyatakan dapat memberikan semangat dalam menceburi bidang yang

sebetulnya setelah mengalami kekeliruan dalam bidang ingin diceburinya selama ini. Selain itu, alat ukur MBTI juga membantu dalam mengetahui personaliti yang baru diketahui iaitu personaliti bertimbang rasa. Beliau mengatakan alat ukur MBTI sesuai untuk digunakan rakan sebayanya supaya mereka dapat mengetahui bidang yang sepadan dengan diri rakan-rakannya. Pemilihan kerjaya antara kaunselor, pendakwah dan guru, responden 2 lebih memilih untuk memasuki profession kaunselor kerana menurutnya kelebihan dalam memhami hati seseorang merupakan kelebihan yang terdapat dalam dirinya.

Analisis Data – Pembentukan Tema dan Subtema

Berdasarkan jadual 4.3.1: Analisis Data – Pembentukan tema dan subtema daripada responden 1 yang dapat dikategorikan sebanyak lima tema dan subtema yang diperolehi daripada tema tersebut. Terdapat dua subtema bagi tema pertama, tiga subtema bagi tema kedua dan dua subtema bagi tema yang ketiga. Pembentukan tema dan subtema daripada responden 2 yang dapat dikategorikan adalah sebanyak lima tema dimana terdapat dua subtema bagi tema pertama, dua subtema bagi tema kedua dan dua subtema bagi tema yang ketiga.

Tema	Subtema	Jantina
Sikap Pelajar Tahfiz	Sopan dan pendiam	Responden 1 Perempuan (Nurul Diana – bukan nama sebenar)
	Terbuka dalam pengetahuan kerjaya	
Faktor Mempengaruhi Kerjaya	Minat	
	Faktor Keluarga	
	Personaliti yang suka membantu	
Kepentingan Kerjaya	Fokus untuk terus belajar	
	Memberi semangat dalam belajar	
Punca Kesesuaian dalam Kerjaya	Minat mengajar	
	Suka membantu orang	
Keberkesanan Alat Ukur	Menyedari personaliti baru.	
Aplikasi Terhadap Kerjaya yang Diceburi	Mengajar kawan-kawan	
Faktor Kekeliruan Kerjaya	Kurang Pengetahuan Dalam Kerjaya	
Sikap Pelajar Tahfiz	Pemalu dan kurang keyakinan diri	Responden 2 Lelaki (Ahmad – bukan nama sebenar)
	Kurang terbuka dalam kerjaya	
Faktor Mempengaruhi Kerjaya	Minat	
	Penghayatan terhadap filem.	
Kepentingan Kerjaya	Untuk melihat pencapaian di masa hadapan.	
	Persediaan dalam mencapai cita-cita	
Punca Kesesuaian dalam Kerjaya	Mudah memahami hati orang	
	Suka mengajar kawan	
	Mengkaji hal agama dengan menonton video dakwah.	
Keberkesanan Alat Ukur	Mengetahui kerjaya yang sesuai.	
	Menambah semangat dalam menceburi bidang kerjaya yang diinginkan.	
Aplikasi Terhadap Kerjaya yang Diceburi	Menegur kawan-kawan	
	Mendengar Masalah Kawan	

Jadual 1: Analisis Data – Pembentukan tema dan subtema

Tema Pertama : Sikap Pelajar

Subtema 1: Terbuka Terhadap Kerjaya

Pengetahuan yang jelas dalam sesuatu bidang kerjaya mendorong individu dalam membuat suatu pilihan kerjaya yang tepat bagi menjamin masa hadapan seimbang dengan minat dan kemampuan diri (Sidek Mohd Noah, 2002). Latar belakang keluarga responden 1 yang bekerjaya menjadikan beliau terbuka dan berpengetahuan luas dalam bidang kerjaya. Responden juga mempunyai sikap sopan dan agak pendiam sebelum ditemubual. Setelah ditemu bual klien kelihatan mesra dan ramah disamping minat dalam mendalami bidang kerjaya. Penggunaan bahasa responden dan penjelasan terhadap sesuatu soalan temu bual juga meluas.

Subtema 2: Kurang Terbuka Dalam Pengetahuan Kerjaya

Subhan, Salleh dan Abu Yazid (2015) berpendapat pengetahuan, pendedahan serta penjelasan terhadap pemilihan dalam kepelbagaian kerjaya dikalangan pelajar yang sesuai dengan minat, kebolehan dan nilai amat digalakkan agar mereka dapat membuat pemilihan yang tepat dan betul selari dengan minat dan kebolehan mereka. Oleh itu, amat penting dan berharga bagi seorang pelajar itu dalam membuat keputusan kerjaya yang ingin diceburinya kerana sekiranya pemilihan kerjaya yang diceburi tersebut tidak sesuai dengan minat dan kebolehan mereka akan memberi impak yang besar dalam pekerjaannya nanti dimana kemungkinan akan bertukar-tukar kerja dan mencari kerja yang sesuai. Sikap responden 2 dapat dilihat beliau seorang yang pemalu. Apabila menyatakan sesuatu responden kelihatan teragak-agak. Responden juga kurang pengetahuan dalam bidang kerjaya dan kurang pasti dengan kerjaya yang ingin diceburi. Jawapan responden berdasarkan temubual juga kurang meluas dan responden kurang pengetahuan dalam penggunaan sesuatu ayat.

Tema Kedua : Faktor Pemilihan Kerjaya

Subtema 1: Minat

Minat dalam diri seseorang individu berbeza dengan individu yang lain. Minat merupakan perkara yang penting dalam bidang kerjaya kerna minat mendorong individu untuk lebih semangat dalam bekerja. Isu pengangguran dalam kalangan remaja menyebabkan mereka kusut dan runsing terutamanya bagi remaja yang kabur tentang minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti mereka (Abdullah, 2001). Menurut kedua-dua responden, faktor yang membuatkan beliau ingin menceburi bidang kerjaya adalah kerana minat dalam bidang tersebut.

“Sebab nampak dia best, bukan best tu maksud macam suka-suka kan tapi nampak dia macam aaa dalam masa kita mengajar tu kita boleh ajar orang lain and then kita belajar jugak.”
(Responden 1)

“Dia macam minat, minat jadi ustaz macam tulah”
(Responden 2)

Subtema 2 : Faktor Keluarga

Dalam analisis pemilihan kerjaya yang dilakukan oleh Sidek Mohd Noah. (2002), terdapat pelbagai gaya dalam pemilihan kerjaya seseorang pelajar antaranya terdapat keadaan pemilihan kerjaya berdasarkan apa yang pernah dilakukan dalam anggota keluarga dengan melihat secara

zahir mengikut persekitaran terdekat. Menurut responden 1 faktor keluarga menyumbang sedikit sebanyak dalam pemilihan kerjaya.

“Erm macam kita tengok kepada environment la, sebab Diana pon rapat dengan cikgu-cikgu and then nak jugak rasa apa yang cikgu-cikgu rasa dalam diri depa kan. Aaa pastu family sendiri pon ramai yang boleh dikatakan semua jadi cikgu. Nampak jadi cikgu ni.. Diana kan suka budak-budak so Diana suka la duduk dengan budak-budak dan mengajar jugak.”

(Responden 1)

Subtema 3 : Personaliti Yang Membantu

Pemilihan kerjaya pelajar dapat dipengaruhi oleh personaliti yang terdapat dalam dirinya. Menurut Azizi dan rakan-rakan (2005) menyatakan tarikan terhadap sesuatu pekerjaan seseorang individu itu berdasarkan faktor personaliti dan faktor lain yang terdapat dalam sesuatu pekerjaan itu. Semakin dekat keselarian antara ciri personaliti dengan keperluan dalam sesuatu pekerjaan, maka semakin tinggi kemungkinan seseorang itu akan berjaya (Najmuddin, 2005).

“Aaaa, kan tadi ada cakap Diana suka mengajar dan suka tunjuk cara, benda tu ada kat diri Diana tunjuk cara kat orang kan, pastu ermm suka nak tolong orang yang nak minta bantuan “

(Responden 1)

Subtema 4: Penghayatan Filem

Menurut responden 2, perkara yang mendorong beliau memilih kerjaya kaunselor adalah kerana sebuah filem yang ditonton di dalam kelas. Filem tersebut memberi impak dalam diri beliau untuk mempunyai perasaan empati dan memberi manfaat seperti motivasi kepada individu lain. Bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW *“Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain”* (Hadith Riwayat ath-Thabrani). Berkeperibadian yang mulia merupakan satu ciri yang perlu ada dalam diri seorang yang bergelar Muslim.

“Berkenaan sorang budak ni dia macam slow macam tu lah, dia tak tau tulis tak tau baca pastu ada sorang cikgu ni dia mai la pastu dia baru pindah dari sekolah Pendidikan khas, pastu bila nampak lukisan budak tu dia faham lah, pastu dia macam suka tengok hati orang. Minat la tengok cerita ni, minat nak bagi motivasi kat orang.”

(Responden 2)

Tema Ketiga : Kepentingan Kerjaya

Subtema 1 : Fokus Untuk Belajar

Responden 1 berpendapat kepentingan kerjaya dapat memberikan perhatian yang lebih terhadap pembelajaran. Hal ini kerana, apabila individu mengetahui sesuatu yang ingin dicapai mendorong untuk individu tersebut terus fokus terhadap bidang yang ingin diceburi dan mencapai target tersebut.

“Penting, untuk buat Diana lagi aaa rasa teringin nak dapat benda tu untuk terus fokus dalam pelajaran and go thru dengan impian dan cita-cita.”

(Responden 1)

Subtema 2: Memberi Semangat Untuk Belajar

Menurut responden kepentingan kerjaya dalam dirinya adalah dapat membentuk semangat untuk terus belajar agar menjamin masa depan. Sesuai dengan pernyataan oleh Sidek Mohd Noah (2002) mendapati responden menyedari keputusan yang baik dan cemerlang dapat memberi pengaruh besar terhadap pemilihan kerjaya yang ingin diceburi sekiranya pelajar dapat memenuhi syarat kelayakan akademik dalam bidang kerjaya yang ingin diceburi.

“Kerjaya penting untuk pelajar sebab nak menguatkan lagi dia punya semangat untuk terus belajar bersungguh-sungguh untuk dapatkan apa yang depa nak dalam pendidikan. Satu lagi kerjaya ni matlamat penting untuk kita capai and then berusaha untuk kita dapat apa yang kita nak”
(Responden 1)

Subtema 3: Melihat Pencapaian Masa Hadapan

Menurut responden 2 kerjaya adalah salah satu aspek yang penting kerana ianya dapat menyumbang kepada pencapaian individu di masa hadapan di samping melakukan persediaan dengan meletakkan pekerjaan yang ingin diceburi seterusnya berusaha dalam mencapai impian tersebut.

“Dia nak tengok kita jadi apa waktu masa depan nanti lah.. Sebab nak tau jugak nanti kalau besar, contoh macam kalau cita-cita kita nak tau siap-siap lah kerja cuba untuk... buat apa-apa untuk ... macam mana. erm buat apa-apa untuk target la kerja kita dan usaha untuk capai cita-cita tu lah mula daripada bawah.”
(Responden 2)

Subtema 4: Persediaan dalam mencapai cita-cita

“Sebab nak tau jugak nanti kalau besar, contoh macam kalau cita-cita kita nak tau siap-siap lah kerja cuba untuk... buat apa-apa untuk ... macam mana. erm buat apa-apa untuk target la kerja kita dan usaha untuk capai cita-cita tu lah mula daripada bawah.”
(Responden 2)

Punca Kesesuaian dalam Kerjaya yang Ingin Diceburi

Subtema 1: Minat mengajar dan Membantu Orang

Kedua-dua responden berpendapat faktor yang menyebabkan mereka sesuai dalam bidang kerjaya yang ingin diceburi adalah kerna minat dalam mengajar dan membantu pelajar lain.

“Aaaa, kan tadi ada cakap Diana suka mengajar dan suka tunjuk cara, benda tu ada kat diri Diana tunjuk cara kat orang kan, pastu ermm suka nak tolong orang yang nak minta bantuan”
(Responden 1)

“ Suka macam ajar kawan-kawan lah, kalau tak faham apa yang di ajar dalam kelas boleh ajar balik lah.”
(Responden 2)

Subtema 2: Mudah Memahami Hati Orang

Responden 2 berpendapat faktor dirinya sesuai dalam menceburi bidang kaunselor kerana mempunyai personaliti yang mudah memahami hati orang lain. Responden 2 juga menceritakan selalu mendengar masalah rakan-rakannya dan memberi nasihat yang positif.

“Kalau kaunselor ni macam nak faham hati orang, nak tau macam mana dia punya dalam kehidupan seharian dia ka nak tau dia buat apa, dan bagi nasihat la.”

(Responden 2)

Subtema 3: Mengkaji Hal Agama Dengan Menonton Video Dakwah.

Responden 2 menyatakan, faktor yang mendorong dirinya sesuai menceburi bidang pendakwah adalah kerana selalu mendengar dan mengkaji video berkaitan dakwah melalui aplikasi youtube disamping mempunyai idola yang iaitu penceramah bebas yang terkenal Ustaz Wadi Anuar.

“Kaji balik lah, contoh macam tengok video tu pastu ada kawan yang buat macam... macammmm Contoh macam kawan sembahyang main-main ka, pastu tengok kat video tu macam sembahyang main-main tu dapat dosa. Pastu bagitau la kat kawan solat main-main tu dapat dosa.”

(Responden 2)

Keberkesanan Alat Ukur

Subtema 1: Menyedari Personaliti Baru

Responden 1 menyatakan alat ukur MBTI membantu dirinya dalam mengetahui personaliti baru yang ada dalam dirinya yang selama ini tidak disedari.

“Bagus, sebab dia boleh nampak personaliti yang terselindung dalam diri kita, pastu ada benda yang kita tak tau ada dalam diri kita kan, kita akan nampak sikit-sikit.”

(Responden 1)

Subtema 2: Mengetahui Kerjaya Yang Sesuai.

Responden 2 menyatakan melalui alat ukur MBTI ini dapat membantu mengehui kerjaya yang sesuai dengan dirinya. Beliau juga menyarakan alat ukur ini dikembangkan kepada pelajar lain kerana dapat mengetahui kerjaya yang sesuai melalui pesonaliti dalam diri.

“Nak bagi depa tau jugak lah, kerjaya apa yang depa nak.”

(Responden 2)

Subtema 3: Menambah semangat dalam menceburi bidang kerjaya yang diingini.

Menurut responden 2 alat ukur ini dapat membantu menambah semangat dalam menceburi bidang kerjaya yang sebelumnya keliru dan menjadi lebih yakin dengan pilihan kerjaya tersebut.

“Macam tambah semangat lagi lah, contoh macam nak tau cita-cita kan macam confius nak ka tak mau, pastu bila dah buat alat ukur ni macam lagi semangat lah, “patutnya aku buat macam ni lah””.

(Responden 2)

Aplikasi Terhadap Kerjaya yang Diceburi

Subtema 1: Mengajar Kawan-Kawan

Responden 1 menyatakan bahawa beliau mengaplikasikan minat yang ada dalam dirinya terhadap kerjaya yang ingin diceburi dengan mengajar rakan-rakannya dikelas. Beliau juga berpendapat dengan mengajar rakan-rakan dikelas dapat membantu dirinya mengulangkaji dalam pelajaran tersebut.

“Ada jugak yang kadang-kadang tak faham, kita kena ulang balik, ulang.. ulang.. ulang sampai depa faham. Dalam masa depa faham tu pon, apa yang Diana terlepas, Diana tak faham Diana boleh faham balik lah.”

(Responden 1)

Subtema 2: Menegur Kawan-Kawan

Responden 2 menyatakan tindakan yang dilakukan untuk mengaplikasikan kerjaya pendakwah dalam dirinya adalah dengan cuba menegur rakan-rakan jika melakukan kesalahan.

“Tegur la kalau kawan buat salah kena tegurla pastu ajar dia macamna nak jadi lebih baik, pastu ada la tengok video ustaz-ustaz buat tu tengoklah dan ambil pengajaran dalam video tu.”

(Responden 2)

Subtema 3: Mendengar Masalah Kawan

Apabila ditanya aplikasi terhadap kerjaya kaunselor pula, responden 2 mengakui beliau sering mendengar masalah rakan-rakannya dan memberi nasihat yang baik.

“Bagi la respon yang macam terbaik kat dia.. bagi nasihat..”

(Responden 2)

Faktor Kekeliruan Kerjaya

Subtema 1: Kurang Pengetahuan dalam Kerjaya

Menurut Nur Farhana (2016), keaburan dan kekeliruan dalam memilih kerjaya yang ingin diceburi yang selaras dengan kesesuaian lazimnya disebabkan faktor kepelbagaian minat, minat yang kurang jelas dan persekitaran yang didudukinya.

“Erm bukan time tu aaa time tu tak clear lagi apa itu akaun, perdagangan tu apa, pastu tengok-tengok balik buku, pastu dapat penjelasan daripada kakak-kakak so memang hati terbuku nak ambik akaun.”

(Responden 1)

PERBINCANGAN, CADANGAN & RUMUSAN

Perbincangan hasil kajian

Sebelum kedua-dua responden menjawab soalan ujian kerjaya MBTI, hasil dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan kedua-dua responden mempunyai kerjaya yang ingin diceburi, akan tetapi keliru dalam pemilihan kerjaya tersebut. Responden 1 menunjukkan pengetahuan yang luas dalam kerjaya kerana mempunyai keluarga yang bekerjaya. Responden 1 banyak mengkaji kerjaya

melalui pengetahuan yang didapati dengan bertanyakan kepada ahli keluarganya. Berdasarkan pengetahuan tersebut, responden 1 telah mempunyai dua pilihan kerjaya yang ingin diceburi iaitu guru dan akauntan. Responden 1 keliru untuk membuat pilihan kerjaya yang terbaik berdasarkan dua bidang profesion tersebut.

Manakala, responden 2 kurang pengetahuan dalam kerjaya walaupun mempunyai tetapan kerjaya yang ingin diceburi. Responden 2 tidak yakin dan teragak-agak dalam memilih kerjaya yang ingin diceburinya. Responden 2 ataupun Ahmad lebih kepada memilih kerjaya berdasarkan sesuatu yang diperhatikan tanpa memikirkan jauh ke hadapan. Selepas kedua-dua responden menjawab soalan ujian kerjaya MBTI dapat dilihat kepada pencapaian matlamat terhadap responden. Matlamat utama adalah untuk membantu responden dalam menentukan pemilihan kerjaya berdasarkan personaliti yang ada dalam diri mereka. Kedua-dua responden kelihatan jelas kepada pemilihan kerjaya yang ingin diceburi malahan teruja dengan analisis personaliti yang baru diketahui oleh mereka. Kedua-dua responden kelihatan bersemangat dalam meneruskan pembelajaran agar dapat mencapai impian mereka. Alat ukur yang digunakan iaitu *Myers Briggs Type Indicator*, memberi dorongan kepada mereka dalam memilih kerjaya berdasarkan personaliti. Walaupun kaunselor mencadangkan pilihan kerjaya kepada responden yang terlibat berdasarkan panduan alat ukur *Myers Briggs Type Indicator*, keputusan untuk memilih kerjaya yang diinginkan tetap diberi secara bebas kepada mereka. Kesan penggunaan alat ukur *Myers Briggs Type Indicator* juga mendorong percambahan maklumat dan pengetahuan responden terlibat dalam pelbagai bidang kerjaya yang lain. Melalui penggunaan alat ukur *Myers Briggs Type Indicator* ini seterusnya dapat menambah keyakinan dan semangat untuk responden meneroka lebih mendalam bidang kerjaya yang dipilih demi memenuhi kelayakan yang diperlukan.

Cadangan Kajian

Hasil dari kajian ini, pengkaji melihat satu instrumen dan pendekatan yang sesuai diaplikasikan terhadap kajian yang selanjutnya iaitu menggunakan pendekatan Teori Myers Briggs terhadap responden berbangsa lain terhadap pemilihan kerjaya. Fokus yang perlu diketengahkan oleh kaunselor ialah faktor pemilihan kerjaya dengan memilih responden yang sesuai dengan ciri-ciri yang diinginkan. Kajian berkaitan pemilihan kerjaya menggunakan alat ukur *Myers Briggs Type Indicator* tidak diperluaskan malahan hanya terdapat sedikit kajian berkenaanya. Oleh itu, pengkaji-pengkaji di Malaysia juga perlu memperluaskan penggunaan alat ukur *Myers Briggs Type Indicator* terhadap pelajar dan juga pekerja agar dapat mengenalpasti personaliti yang sesuai dengan bidang kerjaya.

Rumusan

Isu pemilihan kerjaya ini menjadi suatu perkara yang perlu diberi perhatian oleh para pelajar, ibu bapa, guru-guru dan semua pihak yang berkaitan. Isu ini menjadi antara punca berlakunya pengangguran dalam kalangan remaja atau pelajar yang baharu bergraduasi. Pemilihan bidang kerjaya yang menepati minat seseorang individu perlu didorong atau dipandu oleh kaunselor melalui tindakan bersama oleh ibu bapa, guru dan pelajar itu sendiri. Perkembangan teknologi yang membawa perubahan besar dalam pelbagai bidang seperti pendidikan kerjaya, sosial dan peribadi individu menuntut agar panduan atau dorongan yang lebih jelas disediakan dalam memilih kerjaya yang diinginkan. Artikel ini telah memberi penjelasan mengenai faktor serta kepentingan terhadap pemilihan kerjaya serta cadangan-cadangan yang boleh dilakukan oleh para

pengkaji atau kaunselor untuk memberi panduan dan bimbingan kepada pelajar. Di samping itu, ia dapat menjamin masa depan pelajar yang lebih cerah dengan pemilihan kerjaya yang bersesuaian.

RUJUKAN

- Abdullah, N. H. (2001). *Kajian Terhadap Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Azizi Yahaya & Fariza Kassim. (2008). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Tingkatan Empat Memilih Aliran Kejuruteraan Letrik Dan Elteronik Sebagai Pembentuk Awal Kerjaya Di Sekolah Menengah Teknik Di Tawau, Sabah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. (Artikel yang Tidak Diterbitkan). Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn. (Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan).
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (3rd ed.). Sage Publication Inc.
- Hasuliza Hassan (2006). *Pola Personaliti di Kalangan Pelajar Pintar Cerdas Berasaskan Inventori Personaliti MBTI (Myers Briggs Type Indicator)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Sumber Manusia. (2018). Diperoleh dari https://myhos.mohr.gov.my/ebook/istatik1_2019/mobile/index.html.
- Mhd Subhan, Salleh Amat & Abu Yazid Abu Bakar. (2015). *The Concept Of Career Choice Among Children*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research and case study application in Education: Revised and Expanded from case study research in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Najmuddin, H. (2005). *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan dan Kerjaya*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim, Perak.
- Patton. M. Q. (2006). *Qualitative Evaluation and Research Method* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publication Inc.
- Patton. M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation method* (4th ed.). Sage Publication, Inc. ISBN: 978-1-4129-7212-3.
- Salmah Mohamad Yusoff. (2006). *Personaliti Dan Gaya Pengurusan Konflik Dalam Kalangan Pelbagai Kumpulan Etnik Di Sarawak*: Universiti putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Perkembangan Kerjaya - Teori & Praktis*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang: Perkhidmatan Percetakan FPP.